A

MUKRI KARDI

lwn.

AHMAD LIHAT & SATU LAGI

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
ABU SAMAH NORDIN H
[GUAMAN SIVIL NO: 21-1-1999]
12 SEPTEMBER 2005

C ***POLIS:*** *Tindakan tatatertib - Pemecatan - Sama ada pemecatan betul dan mengikut undang-undang - Pertuduhan di bawah Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Mata-Mata) 1970 - Tertuduh gagal mengisytiharkan pemilikan motokar - Sama ada tertuduh perlu diberitahu terlebih dahulu*
D *yang dia boleh dibuang kerja jika didapati bersalah - Sama ada keputusan untuk memecat tertuduh bias atau berat sebelah, berniat jahat atau mala fide dan melanggar prinsip nemo judex in cause sua*

Tindakan tatatertib telah diambil terhadap plaintif, seorang anggota
E polis berpangkat Lans Koperal, atas tiga pertuduhan di bawah Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Mata-Mata) 1970 ('Peraturan Tatatertib 1970'). Pertuduhannya adalah, *inter alia*, bahawa (a) plaintif telah memiliki motokar jenis Mercedes Benz tanpa kebenaran dari Ketua
F Jabatan dan dengan itu telah melakukan satu kesalahan tatatertib di bawah peraturan 2(7); dan (b) plaintif telah gagal mengistiharkan pemilikan motokar jenis Honda Accord yang didaftarkan atas nama isteri plaintif. Di akhir penyiasatan Kamar Tatatertib, defendan pertama telah mendapati plaintif bersalah ke atas kesemua
G pertuduhan tersebut dan mengenakan hukuman "buang kerja" bagi tiap-tiap pertuduhan. Plaintif mencabar pemecatannya oleh defendan pertama sebagai tidak sah, *inter alia*, atas alasan (i) surat defendan pertama kepadanya tidak menyatakan bahawa beliau boleh dibuang kerja, jika didapati bersalah, di dalam penyiasatan
H kamar tatatertib; (ii) defendan pertama bias atau berat sebelah, berniat jahat atau *mala fide* dan melanggar prinsip *nemo judex in cause sua* di mana ia bertindak sebagai pendakwa dan juga pengadil; dan (iii) pertuduhan-pertuduhan ke atasnya adalah cacat. Peraturan Tatatertib 1970 tidak ada mengandungi peruntukan di
I mana seseorang yang menghadapi tindakan tatatertib mestilah diberitahu akan kemungkinan ia akan dibuang kerja atau diturunkan pangkat jika didapati bersalah. Manakala Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

('Peraturan Tatatertib 1993') yang terpakai kepada pegawai-pegawai kanan polis mewajibkan pertimbangan dibuat terlebih dahulu samada sesuatu perlanggaran tatatertib itu dari jenis yang patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat atau hukuman yang lebih ringan. Plaintif berhujah bahawa di dalam kes di mana Pihak Berkuasa Tatatertib berpendapat hukuman yang patut dikenakan ialah hukuman buang kerja atau turun pangkat ia hendaklah mengambil tindakan mengikut peraturan 28 Peraturan Tatatertib 1993.

Diputuskan membenarkan permohonan plaintif:

(1) Peraturan 28 Peraturan Tatatertib 1993 tidak terpakai kepada Peraturan Tatatertib 1970. (perenggan 13)

(2) Hujahan bahawa pertuduhan terhadap plaintif adalah cacat kerana ia tidak menyebut tarikh dan waktu kesalahan; dan merujuk kepada kesalahan di bawah Jadual 2(7) sedangkan tidak ada Jadual sedemikian di dalam Peraturan Tatatertib 1970, adalah tidak bermerit. Di bawah Peraturan Tatatertib 1970, hanya terdapat satu Jadual sahaja yang menyenaraikan 66 kesalahan tatatertib. Maksud "Peraturan 2(7)" yang dinyatakan di dalam kesemua pertuduhan itu ialah kesalahan di dalam senarai nombor 7 di dalam Jadual yang disebut di dalam Peraturan 2. Pertuduhan tersebut telah dibacakan dan difahami oleh plaintif. Ia tidak langsung memprejudiskannya. (perenggan 15)

(3) Isu *mala fide* atau defendan pertama berniat jahat tidak diplid oleh plaintif. Oleh itu ia tidak wajar dibangkitkan. Walau apapun, alasan ini tidak dibuktikan oleh plaintif. (perenggan 19)

(4) Peraturan Tatatertib 1970 tidak ada menetapkan apakah jenis-jenis hukuman yang patut dikenakan kepada tiap-tiap satu kesalahan. Persoalan samada hukuman buang kerja ke atas plaintif itu munasabah, wajar atau setimpal dengan kesalahan yang dilakukan terletak pada budibicara defendan pertama. (perenggan 24)

(5) Defendan pertama tidak mematuhi peruntukan-peruntukan mandatori seperti berikut semasa menjalankan prosiding Kamar Tatatertib: (a) Plaintif mengaku salah terhadap pertuduhan

A ketiga tetapi defendan pertama tidak merekodkan fakta yang menyokong pertuduhan ketiga dan tidak menjelaskan fakta kes tersebut kepada plaintif; (b) defendan pertama tidak mencatitkan keputusannya sama ada pertuduhan pertama dan kedua terhadap plaintif telah dibuktikan; (c) plaintif tidak diberi
B peluang untuk membuat apa-apa mitigasi selepas ia didapati bersalah dan sebelum hukuman buang kerja bagi ketiga-tiga pertuduhan dijatuhkan; (d) defendan pertama tidak membuat endosmen dalam bentuk yang ditetapkan di dalam Peraturan 6(9). Memandangkan defendan pertama tidak menjalankan
C acara Kamar Tatatertib mengikut prosedur yang ditetapkan di dalam peraturan 6(2)(a) dan (b), 6(4), 6(6) dan 6(9) Peraturan Tatatertib 1970, maka pemecatan plaintif oleh defendan pertama adalah tidak sah dan terbatal. (perenggan 27 & 28)

D **Kes-kes yang dirujuk:**

Chief Constable of the North Wales Police v. Evans [1982] 1 WLR 1155 ***(dirujuk)***

Ekambaram Savarimuthu v. Ketua Polis Daerah Melaka Tengah & Ors [1997] 2 MLJ 454 ***(dirujuk)***

Harbhajan Singh v. Suruhananjaya Pasokan Polis Malaysia [1999] 5 CLJ
E *275 HC* ***(dirujuk)***

Hotel Equatorial (M) Sdn Bhd v. National Union of Hotel, Bar and Restaurant Workers & Anor [1984] 2 CLJ 6; [1984] 1 CLJ (Rep) 155 FC ***(dirujuk)***

Mohd Noor Abdullah v. Nordin Hj Zakaria & Anor [2001] 2 CLJ 564 CA
F ***(dirujuk)***

Ng Hock Cheng v. Pengarah Am Penjara & Ors [1998] 1 CLJ 405 FC ***(dirujuk)***

R Rama Chandran v. The Industrial Court of Malaysia & Anor [1997] 1 CLJ 147 FC ***(dirujuk)***

Re Amin [1983] 2 AC 818 ***(dirujuk)***

G *Tanjung Jaga Sdn Bhd v. Minister of Labour and Manpower & Anor [1987] 1 MLJ 125* ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Federal Constitution, arts. 132(1), 135(2)

Police (Conduct and Discipline) (Junior Police Officers and Constables)
H Regulations 1970, regs. 2, 6(1), (2)(a), (b), (4), (5), (6), (9), (10)

Public Officers (Conduct and Discipline) Regulations 1993, regs. 26, 27, 28

Sumber-sumber yang dirujuk:

I Prof MP Jain, *Administrative Law of Malaysia And Singapore,* Edisi ketiga, ms 358

Bagi pihak plaintif - Subramaniam; T/n Maniam Nair & Co
Bagi pihak defendan - Suzana Atan, Peguam Kanan Persekutuan

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Abu Samah Nordin H:

Tuntutan Plaintif

[1] Ini adalah kes di mana plaintif mencabar pemecatan beliau oleh majikannya sebagai tidak sah. Relif yang dipohon oleh plaintif adalah seperti berikut:

(a) suatu deklarasi bahawa pemecatannya daripada perkhidmatan Polis Di Raja Malaysia ('PDRM') pada 5 April 1996 oleh defendan pertama adalah terbatal dan tidak sah dan tidak ada kesan atau akibat dan bahawa plaintif masih seorang pekerja defendan kedua;

(b) suatu siasatan untuk menentukan gaji, emolumen dan faedah-faedah lain yang plaintif sepatutnya menerima;

(c) gantirugi kerana pemecatan salah;

(d) kos;

(e) faedah; dan

(f) lain-lain relif yang difikirkan sesuai ataupun wajar oleh Mahkamah Yang Mulia

Fakta Kes

[2] Plaintif ialah seorang anggota polis berpangkat Lans Koperal. Ia mula berkhidmat dengan Polis Di Raja Malaysia pada 1 September 1969. Defendan pertama ialah Timbalan Ketua Polis Melaka dan pengadil di dalam prosiding Kamar Tatatertib. Defendan kedua ialah majikan defendan pertama.

[3] Pada 7 Februari 1996 plaintif telah menerima satu surat bertarikh yang sama daripada defendan pertama memberitahunya bahawa:

(a) defendan pertama, dengan kuasa yang diwakilkan kepadanya oleh Suruhanjaya Pasukan Polis, telah memutuskan untuk mengambil tindakan tatatertib terhadapnya atas tiga

A pertuduhan di bawah Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Mata-Mata) 1970; dan

(b) penyiasatan Kamar Tatatertib akan ditetapkan pada 5 Mac
B 1996 jam 10 pagi di Pejabat Timbalan Ketua Polis Melaka.

Pertuduhan-pertuduhan tersebut ialah seperti berikut:

Pertuduhan Pertama

C Bahawa anda, Encik Mukri Bin Kardi, Lans Koperal 53217 Anggota Tugas Am pada ketika itu berkhidmat di lbu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah, didapati memiliki motokar jenis Mercedes Benz Model 190 nombor pendaftaran JDF 5000 sebagaimana pengesahan pendaftaran kenderaan pada 5-2-1996 oleh Encik Abdul Rahman Bin Karim, Pegawai Pengangkutan Jalan, Melaka oleh
D yang demikian anda telah engkar arahan HT KPN A 207 para 111 memiliki kenderaan tanpa kebenaran dari Ketua Jabatan, maka dengan itu anda telah melakukan satu kesalahan tatatertib di bawah Peraturan 2(7) TIDAK MENURUT PERINTAH YANG SAH dalam Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib)
E (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Mata-Mata) 1970 P.U.(A) 86 bertarikh 24/2/1970 dan P.U.(A) 56(Pindaan) bertarikh 8/2/1984 dan anda boleh dihukum di bawah peraturan yang sama.

Pertuduhan Kedua

F Bahawa anda, Encik Mukri Bin Kardi, Lans Koperal 53217 Anggota Tugas Am pada ketika itu berkhidmat di lbu Pejabat Polls Daerah Melaka Tengah, didapati telah tidak mengistiharkan pemilikan motokar jenis Mercedes Benz Model 190 nombor pendaftaran JDF 5000 sebagaimana pengesahan pendaftaran kenderaan pada 5-2-1996 oleh Encik Abdul Rahman Bin Karim,
G Pegawai Pengangkutan Jalan, Melaka oleh yang demikian anda telah engkar arahan KPN (PR) 5 bertarikh 3-10-1984, maka dengan itu anda telah melakukan satu kesalahan tatatertib dibawah Peraturan 2(7) TIDAK MENURUT PERINTAH YANG SAH dalam Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib)
H (Pegawai-Pegawai Rendah Polis Dan Mata-Mata) 1970 P.U.(A) 86 bertarikh 24/2/1970 dan P.U.(A) 56 (Pindaan) bertarikh 8/2/1984 dan anda boleh dihukum dibawah peraturan yang sama.

Pertuduhan Ketiga

I Bahawa anda, Encik Mukri Bin Kardi, Lans Koperal 53217 Anggota Tugas Am pada ketika itu berkhidmat di Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah, didapati telah tidak mengistiharkan pemilikan motokar jenis Honda Accord nombor pendaftaran MU

3536 sebagaimana pengesahan pendaftaran kenderaan pada 5-2-1996 oleh Encik Abdul Rahman Bin Karim, Pegawai Pengangkutan Jalan, Melaka bahawa kenderaan itu didaftarkan atas nama isteri anda, SIRAH BTE MOHD. LANI nombor kad pengenalan 4139124, oleh yang demikian anda telah engkar arahan KPN (PR) 5 bertarikh 3-10-84, maka dengan itu anda telah melakukan satu kesalah tatatertib di bawah Peraturan 2(7) TIDAK MENURUT PERINTAH YANG SAH dalam Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Mata-Mata) 1970 P.U.(A) 86 bertarikh 24/2/1970 dan P.U.(A) 56 (Pindaan) bertarikh 8/2/1984 dan anda boleh dihukum dibawah peraturan yang sama.

[4] Penyiasatan Kamar Tatatertib telah diadakan di hadapan defendan pertama sebagai pengadil pada 5 Mac 1996 dan 5 April 1996. Plaintif tidak mengaku salah terhadap pertuduhan pertama dan kedua tetapi mengaku salah terhadap pertuduhan ketiga. Di akhir penyiasatan Kamar Tatatertib pada 5 April 1996, defendan pertama telah mendapati plaintif bersalah ke atas ketiga-tiga pertuduhan tersebut dan mengenakan hukuman "buang kerja" bagi tiap-tiap pertuduhan.

[5] Plaintif mencabar pemecatannya oleh defendan pertama sebagai tidak sah atas alasan berikut:

(a) surat defendan pertama bertarikh 7 Februari 1996 kepadanya tidak menyatakan bahawa beliau boleh dibuang kerja, jika didapati bersalah, di dalam penyiasatan Kamar Tatatertib;

(b) defendan pertama gagal mematuhi Peraturan 6(4), (5), (6), (9) dan (10) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Mata-Mata) 1970;

(c) defendan pertama bias atau berat sebelah, berniat jahat atau *mala fide* dan melanggar prinsip *nemo judex in cause sua* di mana ia bertindak sebagai pendakwa dan juga pengadil.

(d) pemecatannya bertentangan dengan:

(i) peraturan 26, 27 dan 28 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993;

(ii) perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan; dan

(iii) Perintah Tetap Ketua Polis Negara; dan

(e) pertuduhan-pertuduhan ke atasnya adalah cacat.

[6] Saya bercadang untuk merujuk kepada hujah peguam plaintif mengenai alasan pertama, keempat dan kelima dahulu kerana ia saling berkaitan. Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib)(Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Mata-Mata), 1970 atau dalam bahasa Inggerisnya Police (Conduct and Discipline) (Junior Police Officers and Constables) Regulations, 1970 (selepas ini dirujuk sebagai "Peraturan Tatatertib 1970") tidak ada mengandungi peruntukan dimana seseorang yang menghadapi tindakan tatatertib mestilah diberitahu akan kemungkinan ia akan dibuang kerja atau diturunkan pangkat jika didapati bersalah. Peraturan Tatatertib 1970 ini berbeza dengan peraturan tatatertib bagi pegawai-pegawai kanan polis. Bagi pegawai-pegawai kanan polis, peraturan tatatertib yang terpakai kepada mereka ialah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab D) 1980 ("Peraturan Tatatertib 1980"). Peraturan Tatatertib 1980 ini telah dimansuhkan dan digantikan dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 ("Peraturan Tatatertib 1993").

[7] Di bawah Peraturan 26 Peraturan Tatatertib 1993, Pihak Berkuasa Tatatertib, adalah diwajibkan membuat pertimbangan terlebih dahulu samada sesuatu perlanggaran tatatertib itu dari jenis yang patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat atau hukuman yang lebih ringan. Di dalam kes di mana Pihak Berkuasa Tatatertib berpendapat hukuman yang patut dikenakan ialah hukuman buang kerja atau turun pangkat ia hendaklah mengambil tindakan mengikut Peraturan 28 Peraturan Tatatertib 1993.

[8] Di bawah Peraturan 28 Peraturan Tatatertib 1993, Pihak Berkuasa Tatatertib diwajibkan menghantar kepada pegawai yang menghadapi tindakan tatatertib "suatu pernyataan yang mengandungi fakta-fakta perlanggaran tatatertib ... dan apa-apa alasan yang dicadangkan yang berdasarkannya pegawai itu hendak dibuang kerja ...". Dengan kata-kata lain, pegawai berkenaan akan diberitahu kemungkinan bahawa ia akan dikenakan hukuman buang kerja.

[9] Ini bererti ada dua set peraturan tatatertib di dalam perkhidmatan polis. Akibatnya layanan yang diberikan kepada pegawai-pegawai kanan polis dilihat lebih baik berbanding dengan layanan yang diberikan kepada pegawai-pegawai rendah polis dan konstabel. Oleh itu peguam plaintif berhujah bahawa Peraturan 26,

27 dan 28 di dalam Peraturan Tatatertib 1993 hendaklah juga terpakai kepada pegawai-pegawai rendah polis dan konstabel yang dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan Tatatertib 1970.

[10] Beliau berhujah bahawa 'Perkhidmatan Awam' (Public Services) yang dirujuk di dalam Perkara 132(1) Perlembagaan Persekutuan adalah termasuk Perkhidmatan Polis. Oleh kerana anggota-anggota polis juga adalah anggota perkhidmatan awam maka Peraturan Tatatertib 1993 yang terpakai kepada pegawai-pegawai kanan polis hendaklah juga terpakai kepada pegawai-pegawai rendah polis dan konstabel yang menghadapi tindakan tatatertib di bawah Peraturan Tatatertib 1970. Beliau merujuk kepada kes *Ekambaram a/l Savarimuthu v. Ketua Polis Daerah Melaka Tengah & Ors* [1997] 2 MLJ 454 bagi menyokong hujahnya. Di dalam kes tersebut siasatan Kamar Tatatertib terhadap plaintif diadakan di bawah Peraturan Tatatertib 1970. Plaintif didapati bersalah dan dibuang kerja. Ia kemudian memfailkan permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk satu perintah *certiorari* untuk membatalkan pemecatannya. YA Hakim Suriyadi memutuskan bahawa Peraturan 28, Peraturan Tatatertib 1993 adalah terpakai kepada plaintif dan membenarkan permohonannya untuk membatalkan pemecatannya atas alasan, antara lain, kerana ia tidak diberitahu akan kemungkinan ia akan dibuang kerja, jika didapati bersalah.

[11] Kes *Ekambaram* telah dirujuk di dalam kes *Mohd Noor Abdullah v. Nordin Hj. Zakaria & Anor* [2001] 2 CLJ 564 CA, [1999] 7 CLJ 432. Di dalam kes tersebut plaintif, seorang Lans Koperal dituduh melakukan kesalahan tatatertib. Siasatan Kamar Tatatertib diadakan di bawah Peraturan Tatatertib 1970. Ia didapati bersalah dan dikenakan hukuman buang kerja. Ia memohon deklarasi kepada Mahkamah Tinggi bahawa pemecatannya adalah melanggar Kaedah-Kaedah Keadilan Asasi (Rules of Natural Justice) dan Peraturan 28, Peraturan Tatatertib 1993. RK Nathan J telah menolak permohonannya. Mengikut YA Hakim, plaintif di dalam kes *Ekambaram* telah mengaku salah, manakala plaintif di dalam kes di hadapannya tidak mengaku salah. Semasa perbicaraan ia dibela oleh peguam. Saksi-saksi juga dipanggil. Pada peringkat itu ia tidak perlu diberitahu hukuman yang mungkin dikenakan kerana ia belum lagi didapati bersalah. Plaintif hanya perlu diberitahu akan hukuman yang mungkin dikenakan setelah ia dipanggil membela diri. Plaintif merayu kepada Mahkamah Rayuan. Rayuannya dibenarkan. Mahkamah Rayuan di dalam penghakimannya menyatakan seperti berikut:

A

> There was, therefore, at all material times, a legitimate expectation vested in junior police officers (including the appellant) that the beneficial provisions of the former equipollent of reg. 28(a) would continue to be extended to them.

B

[12] Responden (perayu di hadapan Mahkamah Persekutuan) kemudian merayu kepada Mahkamah Persekutuan dan rayuannya dibenarkan. Mahkamah Persekutuan berpendapat bahawa tidak ada peruntukan di dalam Peraturan Tatatertib 1970 yang menghendaki seseorang yang menghadapi tindakan tatatertib perlu diberitahu kemungkinan bahawa ia boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat, jika didapati bersalah, seperti yang terdapat di dalam Peraturan 28 di bawah Peraturan Tatatertib 1993: lihat [2004] 2 CLJ 777. YA Siti Norma Yaacob FCJ pada ms. 784 menyatakan:

C

D

> ... the 1st appellant cannot be said to have deprived the respondent of any procedural fairness as there cannot be any breach of duty where none exists in law.

[13] Dengan keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut, hujah peguam plaintif bahawa Peraturan 28, Peraturan Tatatertib 1993 terpakai kepada Peraturan Tatatertib 1970 adalah tidak bermerit.

E

[14] Peguam plaintif ada merujuk kepada hukuman tetap atau 'standing order' Ketua Polis Negara, iaitu hukuman tetap HTKPN Bahagian A207 bagi menguatkan hujahnya bahawa Peraturan 28 Peraturan Tatatertib 1980 terpakai kepada Peraturan Tatatertib

F

1970. Mengikut 'Standing Order' tersebut peruntukan-peruntukan tertentu di dalam Peraturan Tatatertib 1980 yang terpakai kepada pegawai-pegawai kanan polis tetapi tidak ada diperuntukkan dengan nyata di dalam Peraturan Tatatertib 1970 adalah terpakai kepada pegawai-pegawai rendah polis dan konstabel. Memandangkan

G

Peraturan Tatatertib 1980 telah dimansuhkan dan digantikan dengan Peraturan Tatatertib 1993 yang mula berkuatkuasa pada 15 Disember 1993, hujah peguam plaintif ini, pada pandangan saya tidak lagi berkaitan. Mahkamah tidak diberitahu sama ada Ketua Polis Negara ada mengeluarkan 'standing order" yang serupa bagi

H

memanjangkan peruntukan di dalam Peraturan Tatatertib 1993 kepada Peraturan Tatatertib 1970.

[15] Mengenai hujah peguam plaintif bahawa pertuduhan-pertuduhan terhadap plaintif adalah cacat kerana ia tidak menyebut

I

tarikh dan waktu kesalahan; dan merujuk kepada kesalahan di bawah Jadual 2(7) sedangkan tidak ada Jadual sedemikian di dalam Peraturan Tatatertib 1970, saya berpendapat hujah tersebut

adalah tidak bermerit. Di bawah Peraturan Tatatertib 1970, hanya terdapat satu Jadual sahaja. Jadual ini ialah Jadual yang disebut di dalam Peraturan 2, Peraturan Tatatertib 1970. Jadual ini menyenaraikan enam puluh enam kesalahan tatatertib. Maksud "Peraturan 2(7)" yang dinyatakan di dalam ketiga-tiga pertuduhan itu ialah kesalahan di dalam senarai nombor 7 di dalam Jadual yang disebut di dalam Peraturan 2. Ini, pada pandangan saya, hanyalah cara defendan pertama merujuk kepada kesalahan di dalam senarai number 7 di bawah Jadual yang disebut di dalam Peraturan 2. Pertuduhan tersebut telah dibacakan dan difahami oleh plaintif. Ia tidak langsung memprejudiskannya. Tarikh plaintif memiliki kenderaan No. JDF 5000 dan tarikh isterinya memiliki kenderaan No. MK 3536 ada dinyatakan di dalam pertuduhan tersebut.

[16] Seterusnya, saya merujuk kepada alasan ketiga, iaitu defendan pertama dikatakan 'bias' atau berat sebelah, berniat jahat atau *mala fide* dan bertindak sebagai, pengadil dan pendakwa. Mengikut hujah peguam plaintif, defendan pertama mengadakan prosiding tatatertib terhadap plaintif dengan niat jahat dan bertujuan untuk menamatkan perkhidmatannya semata-mata kerana plaintif telah dipanggil balik berkerja apabila ia telah dilepaskan dan dibebaskan dari pertuduhan jenayah ke atasnya, oleh Mahkamah Majistret Jasin. Rayuan oleh Pendakwa Raya ke Mahkamah Tinggi juga telah ditolak. Defendan pertama dikatakan bias kerana ia telah bertanya lebih dari sekali sama ada plaintif ingin mengaku salah atau tidak terhadap pertuduhan pertama dan kedua, apabila plaintif tidak mengaku salah. Defendan pertama juga dikatakan mempunyai kepentingan khusus (special interest) di dalam keputusan prosiding tatatertib kerana plaintif adalah di bawah pentadbirannya. Beliau sepatutnya tidak menjadi pengadil tetapi memilih seorang pengadil dari luar Melaka.

[17] Peguam plaintif merujuk kepada buku *Administrative Law of Malaysia And Singapore* Edisi ketiga oleh Prof. MP Jain, ms 358 yang menjelaskan prinsip *nemo judex in re sua* seperti berikut:

> The maxim *nemo judex in re sua* literally means that a man should not be a judge in his own cause. This maxim has come to mean that an adjudicator must be impartial.
>
> The principle that bias disqualifies an individual from acting as an adjudicator flows from two fundamental maxims: (1) a man should not be a judge in his own cause; and (2) justice must not only be done but be seen to be done. The first maxim applies not only when the adjudicator is himself a party to the dispute he

A is deciding, but also when he has some interest therein. The interest may be pecuniary or personal or of some other type. According to the second maxim, it is not necessary to prove that a particular decision was in fact influenced by bias. It is sufficient if there is reasonable suspicion about the adjudicator's fairness. The fountain of administrative justice must not only be pure but it must also enjoy public confidence and credibility. The adjudicator must not only be free from bias, but there must not even be an appearance of bias. In applying the rule against bias the courts have emphasised the concept of public confidence in the administration of justice.

[18] Mengenai hukuman buang kerja, adalah dihujahkan bahawa hukuman tersebut adalah sangat tidak wajar, tidak munasabah dan tidak setimpal dengan kesalahan. Peguam plaintif merujuk kepada kes *R. Rama Chandran v. The Industrial Court of Malaysia & Anor* [1997] 1 CLJ 147 FC bagi menyokong hujahnya bahawa Mahkamah boleh menyemak keputusan defendan pertama sebagai tidak wajar, tidak munasabah dan tidak setimpal dengan kesalahan.

[19] Saya mendapati isu mengenai *mala fide* atau defendan pertama berniat jahat tidak diplid oleh plaintif. Oleh itu ia tidak wajar dibangkitkan. Walau apapun, alasan ini tidak dibuktikan oleh plaintif. Setelah meneliti rekod prosiding Kamar Tatatertib saya mendapati dakwaan bahawa defendan pertama 'bias' adalah tidak berasas. Defendan pertama tidak mempunyai kepentingan peribadi di dalam keputusan siasatan Kamar Tatatertib. Ia juga tidak mengenali plaintif. Tujuan defendan pertama bertanya sekali lagi sama ada plaintif hendak mengaku salah atau tidak adalah untuk memastikan sama ada ia faham dengan pertuduhan tersebut dan akan akibat daripada mengaku salah. Defendan pertama telah memberitahunya, bahawa ia boleh dibuang kerja jika ia mengaku salah tetapi plaintif masih menyatakan ia mengaku salah terhadap pertuduhan ketiga.

[20] Dakwaan plaintif bahawa defendan pertama tidak memanggil Wan Kamarudin bin Wan Ngah (pembeli kereta No. JDF 5000 dari plaintif), Omar bin Lambak dan Sirah bt. Mohd. Lani (isteri plaintif) sebagai saksi atau menawarkan mereka kepada plaintif tidak memprejudiskan plaintif. Terpulang kepada defendan pertama sama ada untuk memanggil mereka atau tidak. Plaintif sendiri telah diberitahu haknya untuk membawa saksi-saksi semasa perbicaraan Kamar Tatatertib melalui surat bertarikh 7 Februari 1996 tetapi ia tidak memanggil mana-mana saksi yang tersebut di atas. Fakta ini diakui oleh plaintif di dalam keterangan lisannya.

[21] Undang-undang mengenai fungsi mahkamah di dalam mendengar kes semakan atau ulangkaji kehakiman (judicial review) adalah amat jelas: lihat *Chief Constable of the North Wales Police v. Evans* [1982] 1 WLR 1155, *Re Amin* [1983] 2 AC 818 pada ms. 829, *Tanjung Jaga Sdn Bhd v. Minister of Labour and Manpower & Anor* [1987] 1 MLJ 125, *Hotel Equatorial (M) Sdn. Bhd v. National Union of Hotel, Bar & Restaurant Workers & Anor* [1984] 2 CLJ 6; [1984] 1 CLJ (Rep) 155, *Harbhajan Singh v. Suruhananjaya Pasokan Polis Malaysia* [1999] 5 CLJ 275.

[22] Lord Brigthman di dalam kes *Chief Constable of the North Wales Police v. Evans* [1982] 1 WLR 1155 pada ms 1173 menjelaskan seperti berikut:

> Judicial review is concerned, not with the decision, but with the decision making process. Unless that restriction on the power of the court is observed, the court will, in my view, under the guise of preventing the abuse of power, be itself guilty of ursurping power.

[23] Di dalam kes *Hotel Equatorial (M) Sdn Bhd v. National Union of Hotel, Bar and Restaurant Workers & Anor* [1984] 2 CLJ 6; [1984] 1 CLJ (Rep) 155 YA Hakim Seah FJ menyatakan seperti berikut:

> ... in the exercise of its inherent supervisory jurisdiction over inferior tribunal of limited jurisdiction, the High Court must always remember that it is not sitting as a court of appeal to review the findings of the inferior tribunals. The High Court it must be observed, has no jurisdiction to consider the merits of the case, its only function is to consider whether the inferior tribunal has performed its duties according to law.

[24] Kuasa untuk menetapkan hukuman ke atas plaintif setelah ia didapati bersalah adalah terletak kepada budibicara defendan pertama di bawah Peraturan Tatatertib 1970. Peraturan Tatatertib 1970 tidak ada menetapkan apakah jenis-jenis hukuman yang patut dikenakan kepada tiap-tiap satu kesalahan. Persoalan samada hukuman buang kerja ke atas plaintif itu munasabah, wajar atau setimpal dengan kesalahan yang dilakukan terletak pada budibicara defendan pertama. Pendekatan mahkamah di dalam kes-kes semakan kehakiman mengenai hukuman yang dikenakan oleh Lembaga atau tribunal tatatertib telah dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Ng Hock Cheng v. Pengarah Am Penjara & Ors* [1998] 1 CLJ 405. Peh Swee Chin FCJ pada ms. 413 menyatakan:

A

> Just like a professional body being the best tribunal to judge the seriousness of misconduct of its members, in a similar vein, an employer, including a government is the best person to judge similarly the seriousness of misconduct of an employee.

B

[25] Akhir sekali, saya merujuk kepada alasan kedua plaintif, iaitu defendan pertama tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan di dalam Peraturan Tatatertib 1970 semasa menjalankan prosiding Kamar Tatatertib. Plaintif mendakwa ia tidak diberikan hak pendengaran lisan yang sepatutnya; ia tidak ditanya samada ia perlukan seorang pegawai polis untuk mewakilinya dan tidak diberi peluang untuk mencari pegawai pembela dari luar kontigen polis Melaka memandangkan tiada pegawai dari kontigen polis Melaka sanggup membelanya; dan ia tidak diberi peluang untuk menyoalbalas saksi yang dipanggil oleh defendan pertama, iaitu Inspektor Kalil bin Piee. Defendan pertama juga dikatakan tidak memuaskan hatinya sama ada plaintif faham akan jenis dan akibat dari prosiding ke atasnya; tidak membuat endosmen mengikut Peraturan 6(9) dan tidak memutuskan samada ada kes *prima facie* sebelum meminta plaintif membela diri. Ia juga dikatakan tidak meminta plaintif membuat mitigasi bagi meringankan kesalahan selepas mendapatinya bersalah.

[26] Untuk memahami hujah plaintif adalah perlu kita merujuk kepada Peraturan Tatatertib 1970 dan rekod prosiding Kamar Tatatertib bersama dengan keterangan plaintif dan defendan pertama. Peraturan 6(1), (2), (4), (6) dan (9) Peraturan Tatatertib 1970 adalah seperti berikut:

> 6(1) The charge shall be read out to the officer by the adjudicating authority and if necessary explained to him. He shall then be called upon to plead to the charge.
>
> (2) If the officer pleads guilty:
>
> (a) the adjudicating authority shall record briefly the facts in support of the charge and shall explain them to the officer. The facts will be obtained by questioning any officer or witness who has knowledge of the facts, or, if the adjudicating authority has been supplied with any documents containing the facts of the charge, by reference to such documents;
>
> (b) the officer shall then be invited to make any statement he wishes in extenuation of the offence. Such statement shall be recorded, or if he has nothing to say, such fact shall be recorded.

(3) (a) If the officer pleads not guilty or refuses to plead, the adjudicating authority shall examine the witnesses in support of the charge and their evidence shall be recorded:

Provided that when the evidence of such witness has been previously recorded in writing by a police officer acting in the course of duty, it shall be sufficient if the adjudicating authority reads over the record of such evidence to the witness who shall be required to confirm or, if he so desires, to add to or retract from such evidence. Every such written record so read over to a witness shall, if necessary, be interpreted to the officer and endorsed in the manner required by paragraph (9).

(b) The officer or his representative, if any, shall be invited to cross-examine the witnesses and examine any documentary evidence.

(c) A witness may be re-examined on matters arising out of any cross-examination.

(4) If after hearing the witnesses in support of the charge the adjudicating authority finds that no case has been made out against the officer the adjudicating authority shall dismiss the case, otherwise the officer shall be called upon to state his defence.

(6) The adjudicating authority shall record its finding on the evidence. If the finding is one of guilty, the officer shall be invited to make any statement he wishes in extenuations of the offence. Such statement shall be recorded, or if he has nothing to say, that fact shall be recorded.

(9) All evidence shall be given in the presence of the officer charged and shall, if in a language not understood by him, be interpreted to him. Evidence shall be recorded in writing and shall be completed by the following endorsement:

Read over to the witness and stated by him/her to be correct. Interpreted to the officer by ... in the ... language.

Signature ...

Adjudicating authority.

[27] Setelah mendengar keterangan saksi kedua-dua pihak, meneliti rekod prosiding Kamar Tatatertib dan menimbangkan hujah peguam masing-masing, saya mendapati bahawa defendan pertama tidak mematuhi peruntukan-peruntukan mandatori seperti berikut semasa menjalankan prosiding Kamar Tatatertib:

(i) Peraturan 6(2)(a) dan (b), Peraturan Tatatertib 1970

Plaintif mengaku salah terhadap pertuduhan ketiga pada hari pertama prosiding Kamar Tatatertib. Tetapi defendan pertama tidak ada merekodkan dengan ringkas fakta yang menyokong pertuduhan ketiga dan tidak menjelaskan fakta kes tersebut kepada plaintif. Defendan pertama juga tidak ada bertanya kepada plaintif samada ia hendak memberikan sebarang kenyataan bagi meringankan hukuman, bagi pertuduhan ketiga. Apa yang berlaku ialah defendan pertama meneruskan penyiasatan bagi pertuduhan ketiga pada hari kedua, tanpa merekodkan satu keputusan bersalah (finding of guilt) bersama-sama dengan pertuduhan pertama dan kedua, seolah-olah plaintif tidak mengaku salah terhadap pertuduhan ketiga. Defendan pertama hanya merekodkan keputusan bersalah bagi pertuduhan ketiga pada hari kedua, selepas mendengar semua pertuduhan.

(ii) Peraturan 6(4) Peraturan Tatatertib 1970

Defendan pertama tidak ada mencatitkan keputusannya sama ada pertuduhan pertama dan kedua terhadap plaintif telah dibuktikan, selepas mendengar keterangan. Apa yang berlaku ialah defendan pertama terus menyoalbalas plaintif selepas mendengar keterangan Inspektor Kalil bin Piee tanpa memberitahunya bahawa ia telah memutuskan untuk memanggilnya membela diri. Dari rekod Kamar Tatatertib, Mahkamah tidak dapat mempastikan pada tahap bila di dalam prosiding Kamar Tatatertib, defendan pertama mencapai keputusan bahawa pertuduhan pertama dan kedua telah dibuktikan.

(iii) Peraturan 6(6) Peraturan Tatatertib 1970

Defendan pertama gagal meminta plaintif membuat apa-apa kenyataan bagi meringankan hukumannya selepas mendapatinya bersalah di atas pertuduhan pertama dan kedua pada hari kedua penyiasatan Kamar Tatatertib. Apa yang berlaku ialah

defendan pertama meminta plaintif membuat apa-apa kenyataan sebelum mendapatinya bersalah. Ini dapat dilihat dari soalan berikut:

> Sebelum saya membuat keputusan ke atas ketiga-tiga pertuduhan ini adakah apa-apa yang hendak dicakapkan lagi?

Pada penghakiman saya, soalan ini bukan untuk tujuan mitigasi kerana pada masa itu defendan pertama belum membuat keputusan sama ada plaintif didapati bersalah atau tidak. Plaintif tidak diberi peluang untuk membuat apa-apa mitigasi selepas ia didapati bersalah dan sebelum hukuman buang kerja bagi ketiga-tiga pertuduhan dijatuhkan.

(vi) Peraturan 6(9) Peraturan Tatatertib 1970

Peraturan ini tidak dipatuhi langsung. Saya mendapati defendan pertama tidak membuat endosmen dalam bentuk yang ditetapkan di dalam Peraturan 6(9) berkaitan dengan keterangan Inspektor Kalil bin Piee.

[28] Memandangkan defendan pertama tidak menjalankan acara Kamar Tatatertib mengikut prosedur yang ditetapkan di dalam Peraturan 6(2)(a) dan (b), 6(4), 6(6) dan 6(9) Peraturan Tatatertib 1970, maka pemecatan plaintif oleh defendan pertama adalah tidak sah dan terbatal. Atas alasan tersebut saya membenarkan relif-relif yang dipohon oleh plaintif seperti berikut:

(i) untuk satu deklarasi bahawa pemecatan plaintif oleh defendan pertama adalah terbatal dan tidak sah dan plaintif masih lagi seorang pekerja defendan kedua sehingga ia bersara wajib pada umur 55 tahun;

(ii) satu siasatan untuk menentukan gaji, emolumen dan faedah-faedah lain yang plaintif sepatutnya menerima diadakan di hadapan Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi.

(iii) faedah 8% setahun ke atas amaun di dalam perenggan (ii) di atas dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh; dan

(iv) Kos kepada plaintif.